

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS
[LIBARAN]**

TARIKH : 02 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian melaksanakan program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Luar Bandar melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bertanggungjawab untuk mendorong aspirasi pekerja berkemahiran melalui pungutan levi daripada majikan dan pembiayaan program latihan serta pembangunan untuk tenaga kerja Malaysia. Peranan PSMB turut merangkumi penempatan pekerjaan dan latihan industri, bimbingan serta kaunseling kerjaya. Di samping itu, PSMB turut mengembangkan peluang menjana pendapatan bagi rakyat Malaysia dari pelbagai kemahiran, latar belakang dan kemampuan.

YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) pada 26 September 2021, turut mengumumkan Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Luar Bandar yang memberi fokus untuk meningkatkan kebolehpasaran, kesejahteraan dan kuasa beli keluarga B40.

Satu unit khas pada peringkat Persekutuan dan pejabat daerah akan ditubuhkan bagi mengurus pangkalan data secara bersepadu serta menyelaraskan semua program dan inisiatif yang dilaksanakan sama ada oleh pihak Kerajaan atau sektor korporat. PSMB akan terus menyokong agenda ini bagi meningkatkan keupayaan, kemahiran dan daya saing pekerja menerusi pelaksanaan program latihan kemahiran dan latihan semula kemahiran, termasuk yang tinggal di luar bandar.